

**Lebih 200 Adun BN Berkampung Di Kuala Selangor Selama Tiga Hari
Bernama
21 September , 2011**

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Seramai 240 anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) dari seluruh negara berkampung di Kuala Selangor selama tiga hari mulai Rabu dalam usaha mendekati rakyat dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi mereka.

Pengerusi Kelab Adun BN Malaysia Datuk Nadzri Ismail berkata ini adalah kali pertama program berkampung itu diadakan di Selangor selepas Perak pada 2006 dan Pahang 2008.

Untuk kali ini, kelab itu turut memperkenalkan program baru iaitu progam keluarga angkat di mana seramai 150 Adun akan menyertainya yang melibatkan 45 daripada 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, katanya pada sidang berita di sini Rabu.

Beliau berkata antara mereka yang terlibat dalam program keluarga angkat ialah beberapa bekas menteri besar yang akan tinggal bersama dengan keluarga angkat.

Melalui program anak angkat ini, diharapkan para Adun BN dapat menyelami masalah penduduk di kawasan terbabit serta mengeratkan lagi hubungan antara BN dengan rakyat.

Nadzri, Adun Manjoi, Perak, berkata antara program bersama keluarga angkat ialah program jamuan Aidilfitri di semua kawasan 45 DUN serta program ziarah menziarah dari rumah ke rumah di kawasan keluarga angkat masing-masing bagi melihat sendiri masalah yang masih belum dikenal pasti oleh Adun BN di Selangor.

"Mungkin ada yang susah atau kesempitan hidup jadi kita akan ziarah rumah sebanyak mungkin dan tugas kita ialah untuk bantu dan buat penambahbaikan kepada rakyat," katanya.

Ditanya mengenai pemilihan keluarga angkat, Nadzri berkata setiap keluarga yang terlibat dipilih tanpa mengira fahaman politik masing-masing dan terpulang kepada mereka sama ada untuk menyokong BN atau sebaliknya kerana apa lebih penting ialah keikhlasan parti itu dalam membantu rakyat.

"Kita akan tempatkan dua atau tiga Adun di setiap tempat kerana kita nak wakil rakyat dengan rakyat rapat dan boleh suarakan masalah," katanya.

" Pada masa yang sama, wakil rakyat ini akan terangkan kepada rakyat mengenai fakta sebenar isu-isu (yang dibangkitkan pembangkang) selain menerangkan dasar kerajaan BN kepada rakyat. Harap dengan cara itu rakyat akan lebih faham dengan jelas," katanya.

Selain itu, Nadzri berkata perhimpunan itu secara tidak langsung akan merapatkan hubungan antara Adun BN selain boleh menggabung idea dan pemikiran dalam usaha menyelesaikan masalah rakyat.

Beliau berkata perhimpunan yang bertemakan '1Malaysia-Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di

perkarangan pasaraya Tesco Bandar Kuala Selangor malam esok.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pula menutup perhimpunan tersebut di perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Kapar, Klang pada Jumaat ini.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad juga dijadual memberi ceramah mengenai peranan dan cabaran terkini wakil rakyat di Dewan Umno Bahagian Kuala Selangor petang esok, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=614896>